

Kerajaan serius hapus ketirisan dalam pentadbiran



Shamsul Azri hadir pada Majlis Amanat Perdana Menteri di Putrajaya, semalam.

Putrajaya: Tempoh seminggu yang diberikan kepada kepimpinan agensi penguatkuasaan memilih sama ada membanteras ketirisan atau berundur daripada memegang jawatan adalah mesej jelas tiada lagi ruang untuk kompromi terhadap ketirisan dan kelemahan tatakelola.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, berkata ia selaras dengan hasrat kerajaan pada 2026 adalah untuk tindakan pantas, seperti mana yang ditegaskan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam amanat tahun baharunya pada 5 Januari lalu.

Beliau berkata, ketegasan pentadbiran Perdana Menteri juga

dibangkitkan pada mesyuarat Pasukan Petugas Khas Reformasi Agensi (STAR) yang dipengerusikannya semalam.

“Seperti mana yang diumumkan oleh amanat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 5 Januari, tahun ini adalah tahun untuk tindakan pantas.

“Maknanya kita kena memastikan pematuhan tatakelola dan memperkasakan tadbir urus.

“Tahun ini kita akan banyak membuat penguatkuasaan dan kita akan membanteras rasuah, salah guna kuasa dan (perkara) yang tidak mengikut peraturan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas amaran

Perdana Menteri kepimpinan agensi penguatkuasaan pada Majlis Amanat Perdana Menteri bersama Ketua-ketua Jabatan / Agensi Penguat Kuasa yang berhubung dengan jenayah kewangan, di sini, semalam.

Ditanya jika ada pegawai tertinggi agensi penguatkuasaan yang ambil keputusan berundur kerana tidak bersedia memenuhi tugas kerajaan itu, Shamsul Azri berkata, pihaknya akan melihat siapa yang akan berbuat demikian.

“Kini kami (kerajaan) benar-benar serius. Tempoh seminggu diberikan kerana kami lebih pantas, jika tidak kami beri masa sebulan,” katanya.